

# Adi Jagat negara membangun

UM 31/10/2003 - 15 PRECISE

Oleh ASUKI ABAS

**S**EMEMANGNYA tiada sesiapa pun dapat menafikan fakta bahawa sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bukan sahaja mampu meningkatkan maruah negara ini. Malah beliau juga dianggap sebagai wira dunia ketiga dalam memperjuangkan nasib negara-negara membangun dan negara-negara Islam. Kelantangan Dr. Mahathir yang tidak mempunyai perasaan takut untuk mengkritik negara-negara Barat yang dianggap cuba melakukan penjajahan semula ke atas negara-

negara membangun dan Islam telah menjadikan beliau seorang pemimpin yang dikagumi.

Justeru itulah apabila Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Berkecuali (NAM) pelbagai pihak menganggap ia tepat sekali.

Ini kerana negara-negara di dalam kedua-dua pertubuhan itu amat memahami bahawa Malaysia di bawah kepimpinan Dr. Mahathir adalah tokoh yang paling layak untuk memperjuangkan nasib mereka.

Berikutan ketegasan Malaysia dan kelantangan Dr. Mahathir inilah negara-negara Barat amat memandangkan berat apa juga yang dikatakan oleh Perdana Menteri dalam ucapannya.

Ketika berlangsungnya Dialog Antarabangsa Langkawi pada tahun 2000, seorang peserta dari Zimbabwe, Dr. Ruth Labode, mendedahkan kebimbangan negara-negara Eropah

bahawa Malaysia, diketuai oleh Dr.

Mahathir Mohamad yang sejak lama dahulu lantang mengkritik negara-negara maju, mahu menjadi 'godfather' kepada negara-negara Afrika.

Maka kelam kabutlah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar memberikan reaksi untuk membetulkan

tanggapan serong itu.

Katanya, Malaysia hanya sekadar mahu membantu negara-negara membangun yang kebanyakannya lemah dalam segala aspek supaya bersatu dalam persediaan menghadapi cabaran globalisasi.

Perdana Menteri Lesotho, Pakalitha Bethuel Mosisili dan Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano ketika diminta mengulas tuduhan Eropah itu dengan secara tegas menanyakan semula; "Apa salahnya?"

Sudah menjadi satu rahsia umum bahawa para pemimpin negara-negara Afrika amat mengagumi kepimpinan Dr. Mahathir dan berhasrat untuk menjadikan pengalaman Malaysia sebagai contoh untuk mereka memeta landasan pembangunan.

LID yang diilhamkan oleh Dr. Mahathir dan dimulakan pada tahun 1995 secara eksklusif untuk mempromosi perkongsian pintar antara kerajaan-kerajaan dan kerajaan-swasta dengan negara-negara Afrika mendapat sambutan hangat sehingga melahirkan pula Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID).

Perdana Menteri sentiasa menekankan bahawa suara negara-negara Afrika dan juga negara-negara membangun seperti Malaysia hanya akan didengari oleh dunia maju sekiranya mereka bersatu dalam menyatakan pendirian.

Apa yang membezakan beliau daripada banyak pengkritik dunia maju yang lain ialah setiap kritikan yang dibuatnya disusuli dengan langkah-langkah konkrit untuk menjadikan saranan dan cadangannya satu kenyataan.

Selain LID, Dr. Mahathir turut mencetus penubuhan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia (Massa) bagi tujuan mempromosikan perdagangan dan kerjasama dua hala antara negara ini dengan negara membangun yang lain.

Massa dibentuk selepas mengadakan lawatan ke Chile, Brazil dan Argentina dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia pada tahun 1991.

Sejak Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) ditubuhkan pada tahun 1995 sebagai 'penjaga' globalisasi, Dr. Mahathir merupakan orang yang

paling awal mengingatkan risiko pembukaan penuh pasaran kepada syarikat dan pelabur dari negara-negara maju itu.

Beliau percaya bahawa globalisasi boleh membawa kebaikan kepada penduduk dunia, tetapi ia perlu dikawal dan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi menyediakan ekonomi tempatan setiap negara kepada persaingan tanpa had.

Kebimbangan Dr. Mahathir ada asasnya kerana pada tahun 1997, beliau dan Malaysia secara peribadi telah 'menghidu' bau yang dibawa oleh globalisasi ketika menghadapi krisis kewangan.

Akibat serangan penyangak mata wang dan manipulasi pasaran saham - semuanya atas nama kebebasan modal dan globalisasi - ringgit pada satu ketika jatuh melebihi 90 peratus kepada RM4.88 berbanding setiap dolar AS menyebabkan kerugian tukaran mata wang berjumlah puluhan bilion ringgit ditanggung oleh negara.

Namun Dr. Mahathir secara berani memperkenalkan langkah-langkah 'anti-globalisasi' yang pada asalnya dikutuk terutamanya oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), tetapi akhirnya diakui telah membawa Malaysia keluar dari jurang kemelesetan dan krisis ekonomi.

Selepas krisis itu, beliau lebih teliti menganalisis proses globalisasi dan kritikan-kritikannya ternyata lebih lantang terutamanya terhadap WTO yang digunakan sebagai senjata oleh negara maju untuk menjajah ekonomi dunia membangun.

Dr. Mahathir tanpa segan silu menyuarakan bantahan kerana usaha dunia maju untuk mengaitkan perdagangan dengan faktor-faktor bukan perdagangan melalui WTO seperti hak asasi manusia secara jelas mengurangkan daya saing dan menghalang kemasukan barangan negara membangun.

Seperti yang dinyatakan oleh kedua-dua pemimpin tertinggi Lesotho dan Mozambique - tidak ada salahnya untuk menganggap Dr. Mahathir dan Malaysia sebagai godfather, selaku peneraju perjuangan negara-negara membangun di pentas dunia.

DR. MAHATHIR bersalaman dengan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan.

